



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 24 JANUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Didenda RM450,000 kerana menipu KPDN

SEREMBAN – Seorang bekas pengarah sebuah syarikat pemborong dan peruncit didenda RM450,000 di Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas tiga pertuduhan pindaan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan tiga tahun lalu.

Hakim Mohamad Kamil Nizam menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Azizul Abdul Halim, 56, selepas dia kekal dengan pengakuan bersalah bagi kesemua pertuduhan.

Sebelum ini, pada 11 Disember 2024 Azizul membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan yang dibacakan bersama anak kepada bekas menteri yang juga pengarah syarikat sama iaitu Muhammad Faisal Hamzah, 39.

Bagaimanapun, Muhammad Faisal tidak mengaku bersalah.

Mengikut dua pertuduhan, Azizul sebagai pengarah syarikat Rimba Merpati Sdn. Bhd. yang merupakan pemegang lesen borong barang kawalan berjadual iaitu minyak masak

telah memberikan maklumat palsu kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Maklumat itu diberi semasa mengemukakan maklumat dalam borang arahan mengemukakan dokumen atau maklumat yang berada dalam simpanan berkaitan barang kawalan di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 berhubung dokumen atau invois penjualan minyak masak kepada Pasar Segar Din Maju dan Warisan Hasil Alam.

Kesalahan itu dilakukan lebih kurang pukul 5 petang di Pejabat KPDN Seremban 2 pada 12 Ogos 2022.

Sehubungan itu, dia didakwa di bawah Seksyen 8 (4) (b) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) akta sama.

Bagi satu lagi pertuduhan, tertuduh selaku pemegang lesen borong didapati melanggar Peraturan 9(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu memiliki barang kawalan berjadual jenis minyak masak melebihi had 50 tan metrik.



AZIZUL dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban semalam.
– MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

'Belanja RM50 untuk beli minyak peket'

- **Taktik premis dibongkar KPDN**
- **Sita 340kg barangan bernilai RM850**

Oleh **LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR**

BAGAN SERAI – Sebuah premis perniagaan di sini kelmarin dikesan mengenakan syarat supaya pelanggan membeli barangan lain bernilai lebih RM50 sekiranya berhajat untuk membeli minyak masak peket 1 kilogram.

Taktik tersebut terbongkar selepas pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Parit Buntar melakukan serbuan kira-kira pukul 11.30 pagi.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, pihaknya menerima aduan awam sebelum ia disahkan oleh KPDN Cawangan Parit Buntar ketika mereka melaksanakan Ops Tiris di lokasi terbabit.

Katanya, satu operasi penyamaran sebagai pembeli dilakukan anggota KPDN.

"Ketika penyamaran dilakukan, anggota telah cuba membeli dua peket minyak masak 1kg dan hasilnya penjaga premis memaklumkan minyak masak peket 1kg hanya boleh dibeli sekiranya telah membuat pembelian barangan lain minima RM50 di premis tersebut.



PENGUAT kuasa KPDN memeriksa sebahagian minyak masak peket 1kg yang dirampas di sebuah premis di Bagan Serai kelmarin.

"Berdasarkan maklumat tersebut, sepasukan anggota beruniform telah masuk ke premis dan membuat pemeriksaan menyeluruh," katanya di sini semalam.

Kamalludin berkata, hasil pemeriksaan yang dilakukan pihaknya telah menemukan sebanyak 340 peket minyak masak 1kg pelbagai jenama di premis berkenaan.

Katanya, seorang lelaki warga tempatan berusia 27 tahun yang mengaku sebagai pemilik premis berkenaan telah diambil keterangan.

"Siasatan lanjut juga menda-

pati lelaki berkenaan mengaku telah mengenakan syarat pembelian sebanyak RM50 ke atas untuk barangan runcit sebelum dibenarkan membeli minyak masak peket sebanyak 2kg.

"Sehubungan itu, satu tindakan kes telah diambil dengan tindakan menyita sebanyak 340kg minyak masak peket 1kg di premis terbabit dengan nilai sitaan dianggarkan berjumlah RM850.

"Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," tambahnya.

Simpan 2,700kg LPG lebih had

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur menyita 205 tong Gas Petroleum Cecair (LPG) dari sebuah premis perniagaan lesen

runcit barang kawalan di Taman Sri Rampai, di sini Selasa lalu.

Dalam serbuan kira-kira pukul 1 tengah hari, sebanyak 85 tong berisi LPG berkapasiti 12 kilogram (kg) dan 120 tong 14kg yang

dianggarkan bernilai RM23,930.

KPDN berkata, serbuan adalah susulan daripada maklumat risikan dan serahan kes daripada pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap pengoperasian perniagaan yang mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan serta semakan, premis perniagaan ini didapati menyimpan 2700kg lebihan had simpanan LPG yang dibenarkan dalam lesen runcit barang kawalan yang masih sah sehingga 25 Oktober ini.

"Lebihan had simpanan LPG dianggar bernilai RM23,930 ini telah disita oleh pasukan penguat kuasa KPDN dan akan disiasat di bawah kesalahan Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan semalam..

Tambahnya, selain itu, semakan rekod kesalahan lampau juga mendapati pemegang lesen runcit ini mempunyai beberapa rekod kesalahan lain di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 sejak tahun 2018.



SEBANYAK 205 tong gas LPG disita dari sebuah premis perniagaan di Taman Sri Rampai Kuala Lumpur pada Selasa lalu. – IHSAN KPDN

Bekas pengarah syarikat pemborong didenda RM450k

Seremban: Bekas pengarah sebuah syarikat pemborong dan peruncit didenda RM450,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas tiga pertuduhan pindaan masing-masing mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan, tiga tahun lalu.

Hakim, Mohamad Kamil Nizam menjatuhkan hukuman itu terhadap Azizul Abdul Halim, 56 selepas tertuduh kekal dengan pengakuan bersalah bagi kesemua pertuduhan dihadapi.

Tertuduh membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan yang dibacakan bersama anak kepada mantan menteri yang juga bekas pengarah syarikat sama iaitu Muhammad Faisal Hamzah, 39, pada 11 Disember tahun lalu.

Bagaimanapun, Muhammad Faisal tidak mengaku bersalah.

Mengikut dua pertuduhan, tertuduh sebagai pengarah syarikat Rimba Merpati Sdn Bhd yang memegang lesen borong barang kawalan berjadual iaitu minyak masak telah memberikan maklumat palsu kepada Kementerian Per-

dagangan Dalam Negeri (KPDN).

Maklumat itu diberi ketika mengemukakan maklumat dalam borang arahan mengemukakan dokumen atau maklumat yang berada dalam simpanan berkaitan barang kawalan di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 berbunyi dokumen/ invois penjualan minyak masak kepada Pasar Segar Din Maju dan Warisan Hasil Alam.

Perbuatan itu dilakukan kira-kira jam 5 petang 12 Ogos 2022, di Pejabat KPDN, Seremban 2, di sini.

Justeru itu, dia didakwa mengikut Seksyen 8 (4) (b) AKB 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) akta sama.

Selain itu, tertuduh selaku pemegang lesen borong juga telah didapati melanggar Peraturan 9(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu memiliki barang kawalan berjadual jenis minyak masak melebihi had 50 tan metrik.

Kesalahan itu dilakukan pada 11 Ogos 2022, jam 11.15 malam di premis perniagaan Rimba Merpati Sdn Bhd di Kawasan Industri Sinar Andalas, Senawang, di sini.

PGA, KPDN bongkar kilang baja tidak berlesen

KEPALA BATAS - Pasukan Gerakan Am (PGA) Ulu Kinta dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang berjaya membongkar kilang baja beroperasi tidak berlesen di kawasan Permatang Saga, Pinang Tunggal di sini, pada Rabu.

Komander Briged Utara PGA, Senior Asisten Komisioner Shahrum Hasim berkata, serbuan dibuat hasil risikan selama seminggu terhadap premis yang memproses baja pertanian tanpa lesen yang sah.

Menurutnya, ketika serbuan dibuat seorang lelaki berusia 71 tahun yang mengaku sebagai pemilik perniagaan itu, telah ditahan untuk siasatan lanjut.

"Hasil pemeriksaan mendapati sejumlah besar baja dan peralatan pembungkusan serta penghasilan baja berada di premis tersebut sebelum kes diserahkan kepada KPDN Pulau Pinang untuk tindakan lanjut," katanya pada sidang akhbar di lokasi serbuan pada Khamis.



Jegan (kiri) ketika melakukan pemeriksaan di dalam kilang memproses baja di Permatang Saga, Pinang Tunggal pada Khamis.

Hadir sama, Pengarah KPDN Pulau Pinang, RS Jegan.

Jegan berkata, premis tersebut dipercayai menjalankan aktiviti penjualan baja secara borong tanpa lesen sah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan dibuat pihaknya merampas pelbagai jenis baja termasuk baja jumbo seberat 700 kilogram (kg), 60 beg baja sebatian dan 91 beg baja sebatian NPK dengan jumlah berat keseluruhan baja adalah 169,440kg bernilai

RM508,470.

"Pelbagai peralatan seperti mesin pembungkusan, mesin pengisar, mesin pengadun, mesin pemampat, mesin pemindah baja dan alat timbang turut dirampas, bersama guni kosong pelbagai jenis.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk peralatan ialah RM541,222," katanya.

Jegan berkata, tindakan sita juga dilakukan terhadap beberapa dokumen yang berkaitan bagi membantu siasatan lanjut.

Bekas pengarah syarikat didenda RM450,000 kes minyak masak

SEREMBAN - Bekas pengarah sebuah syarikat pemborong dan peruncit didenda RM450,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas tiga tuduhan pindaan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had dibenarkan, tiga tahun lalu.

Hakim, Mohamad Kamil Nizam menjatuhkan hukuman terhadap Azizul Abdul Halim, 56, selepas bapa kepada 10 anak itu kekal dengan pengakuan bersalah bagi kesemua pertuduhan dihadapi.

Pada 11 Disember 2024, orang kena saman (OKS) telah membuat pengakuan bersalah atas tuduhan yang dibacakan bersama anak bekas menteri yang juga pengarah syarikat sama iaitu Muhammad

Faisal Hamzah, 39.

Bagaimanapun, Muhammad Faisal tidak mengaku bersalah.

OKS sebagai pengarah syarikat Rimba Merpati Sdn Bhd telah memberikan maklumat palsu kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Maklumat diberi semasa mengemukakan dokumen atau maklumat yang berada dalam simpanan berkaitan barang kawalan di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 berhubung dokumen/invois jualan minyak masak kepada Pasar Segar Din Maju dan Warisan Hasil Alam.

Perbuatan berkenaan dilakukan pada 12 Ogos 2022, lebih kurang jam 5 petang di Pejabat KPDN Seremban 2.

Justeru, dia didakwa di bawah Seksyen 8 (4) (b) Akta Kawalan Bekalan 1961 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) akta sama.

Tertuduh selaku pemegang lesen borong juga didapati melanggar Peraturan 9 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu memiliki minyak masak melebihi had 50 metrik tan.

Kesalahan itu dilakukan pada 11 Ogos 2022, jam 11.15 malam di premis perniagaan Rimba Merpati Sdn Bhd di Kawasan Industri Sinar Andalas, Senawang di Seremban.

Berikutan itu tertuduh didakwa di bawah Seksyen 22 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Seksyen 22 (4) akta yang sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.



Azizul ketika dibawa pegawai KPDN ke Mahkamah Sesyen Seremban pada Khamis.

Ex-director fined RM450k for false papers, cooking oil offences

By **SARBAN SINGH**
sarbans@thestar.com.my

SEREMBAN: A former company director was fined RM450,000 by the Sessions Court after he pleaded guilty to three alternative charges of providing fake documents to the authorities and having in his possession more than the permitted amount of cooking oil which is a subsidised item.

Judge Mohamad Kamil Nizam meted out the punishment after Azizul Abdul Halim, 56, told the court he did not wish to contest the charges.

The accused had also pleaded guilty on Dec 11 last year when

charged together with another director Muhammad Faisal Hamzah, 39.

Muhammad Faisal, who is the son of a former minister, had claimed trial to the charges.

For the first two charges, Azizul as a director of Rimba Merpati Sdn Bhd, a licensed wholesaler of cooking oil, had given false information to officers from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

This happened when the company was asked to furnish information and documentary evidence on the sale of cooking oil to Pasar Segar Din Maju and Warisan Hasil Alam.

The offence was committed at

around 5pm on Aug 12, 2022, at the state Domestic Trade and Cost of Living department office.

He was charged under Section 8(4)(b) of the Control of Supplies Act which was punishable under Section 22(2) of the same legislation.

As the holder of a wholesale licence, the accused had also violated rule 9(1) of the Control of Supplies Regulations 1974 for having in his possession more than 50 metric tonnes of the cooking oil.

The offence was committed at 11.15pm on Aug 11, 2022, at the business premises of Rimba Merpati Sdn Bhd at the Sinar Andalas Industrial Area in

Senawang near here.

This is punishable under Section 22 (1) of the Act read together with Section 22 (4) of the same legislation and Section 34 of the Penal Code.

Offenders can be fined up to RM1mil and jailed for not more than three years or both upon conviction.

In mitigation, Hasnan Hamzah who is counsel for the accused, asked the court for leniency as his client had to provide for his two wives and 10 children out of which six of them were still schooling.

"My client is only working part time now and is remorseful over what happened," he said, adding

that the accused was only a minority shareholder in the company then and has since sold off his share.

Deputy public prosecutor Nor Alimah Mohd Sanusi asked the court to impose a minimum fine of RM200,000 for each of the three offences.

"Cases related to the misappropriation of subsidised cooking oil is increasing day by day and the direct effect of this is that consumers are sometimes unable to buy it in the right quantity," she said.

Judge Mohamad Kamil then fined the accused RM150,000 in default six months jail for each of the three offences.

Johor cops seize RM500,000 fireworks

JOHOR BAHRU: The Johor Region Two Marine Police Force (PPM) has seized fireworks and firecrackers worth over half a million ringgit, during two separate raids in Muar and Mersing on Tuesday.

Johor police chief Datuk M. Kumar said the seizures were made under Op Taring Landai Khas, launched in conjunction with the upcoming Chinese New Year celebrations.

In the first raid at 4.30 pm, an intelligence unit from the Muar Region Two PPM Operations Headquarters, assisted by an investigation team from the Department of Internal Security and Public Order (KDNKA), searched a premises at the Parit Hulu industrial area in Jalan Bakri, Muar.

"Police discovered 319 boxes of various types of fireworks and firecrackers worth RM503,665," he said in a statement today.

A 40-year-old man was arrested for failing to produce a valid licence for the possession of the seized items.

Later that day at 10.30 pm, a Mersing PPM Tactical Headquarters patrol team stopped a suspicious white Toyota Vios at Taman Desa Sri Endau and discovered more fireworks and firecrackers hidden in the rear seats and boot.

A 24-year-old driver of the car was arrested for not having a licence for the explosive materials, while the seized items were estimated to be worth around RM63,000.

Kumar said the second suspect was also accused of attempting to bribe the authorities by offering RM2,500 during the documentation process at the tactical headquarters.

Both suspects are being investigated under Section 8 of the Explosives Act 1957 for possessing explosive materials.

As for the bribery allegations, he said the case has been referred to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) for further investigation. – Bernama



Officials from Penang KPDN conducting an inspection after successfully confiscating various types of fertilizer worth RM541,222 at a premises near Permatang Saga.

Unlicensed controlled fertilisers worth RM508,470 seized

KEPALA BATAS: A total of 169,440 kilogrammes (kg) of various types of unlicensed controlled fertilisers, valued at RM508,470, were seized, and the company owner was arrested, during a raid at a warehouse in Permatang Saga, Pinang Tunggal, on Wednesday.

The 3pm operation was carried out by the General Operations Force (GOF) Northern Brigade Intelligence Branch team, who subsequently handed over the case to the Penang branch of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN).

Its commander SAC Shahrudin Hashim said that the team had been gathering intelligence since the previous week, before conducting the raid. Upon inspection, they discovered several types of fertilisers, along with processing equipment and materials believed to be used in the production of fertilisers.

"We suspect that the warehouse was processing unlicensed or unapproved fertiliser. Our inspection confirmed the presence of equipment and materials linked to fertiliser production," he said.

"In the raid, we also arrested a man who is the owner of the company, and we handed the case over to the Penang KPDN because a thorough inspection found that the warehouse was carrying out fertiliser processing activities without a licence," he told reporters at the warehouse, Thursday.

Meanwhile, State KPDN director, S. Jegan said that initial investigations revealed that the 71-year-old warehouse owner, who was arrested, was believed to be conducting wholesale fertiliser sales without a valid licence under the Control of Supplies Act 1961.

Jegan added that a large quantity of fertilisers, packaging equipment, and production tools were found on the premises. The owner admitted to having used the warehouse for these activities for the past five years.

"The seizure included various types of fertilisers, such as 231 jumbo fertiliser units, weighing 700kg; 60 bags of compound fertiliser; and 91 bags of NPK (Nitrogen, Phosphorus, Potassium) compound fertiliser; amounting to 169,440kg in total, with an estimated value of RM508,470," he said.

In addition, items of equipment, including machines for packaging, grinding, mixing, compressing, transferring, and weighing, as well as empty sacks, were also seized. The total value of the seized goods, including the equipment, amounted to RM541,222.

Jegan further noted that several relevant documents were seized to aid ongoing investigations. The case is being investigated under the Control of Supplies Act 1961 and Regulation 3(1) of the Control of Supplies Regulations 1974.

"The fertilisers seized are controlled goods, and, based on our investigation, they were intended for sale to farmers across the state. We are taking strict action against the company, but we will also assist the owner in obtaining a licence to sell fertiliser wholesale.

He added that, according to feedback from farmers who had purchased the fertiliser produced by the company, the product was highly regarded for yielding large quantities of paddy, while being sold at competitive market prices. – Bernama



山打根贸消部官员在商场检查。

根贸消部检查 9 商场 6 商家违法罚金总额 2 千 4 百

能在所售商品上贴上价格标签或价格表的个人将被法庭处以最高 50,000 令吉的罚款或两年监禁，或两者并处，或可被处以最高 25,000 令吉的罚金。同时，犯下此类罪行的公司可被处以最高 100,000 令吉的罚款或最高 50,000 令吉的罚金。

根据《1972 年 ATS 法》，任何人使用或持有任何未经验证的称重或测量仪器用于贸易，即属违法，一经定罪，可处以不超过四万令吉的罚款或监禁处以三年以下有期徒刑或者拘役，并处没收有关计量器具。

另外，他披露自 2025 年 1 月 1 日至今，山打根贸消部已进行了 658 次检查，其中在城市地区进行了 430 次检查，在山打根县

的乡村地区进行了 228 次检查，检举 43 起案件，扣押物品总值 206,276.35 令吉。在这 43 起案件中，有 38 起已被罚款，罚金总额达到 7,700 令吉，另有 5 起案件正在调查中。

在投诉方面，自 2025 年 1 月 1 日至今，山打根 KPDN 共收到 18 起投诉。其中 12 起 (66.7%) 投诉案已经处理，另有 6 起 (33.3%) 正在调查中。

他说，消费者可以充该部门的耳目，通过以下官方投诉渠道提出投诉：

- 1) Whatsapp 019 848 8000
- 2) 投诉门户：<http://eaduan.kpdn.gov.my>
- 3) 呼叫中心 1 800 886 800
- 4) ?电子邮箱：aduan@kpdn.gov.my
- 5) Ez ADU KPDN 应用程序
- 6) 执法指挥中心 (执法指挥中心)：03 - - 8882 6088 / 6245
- 7) ?发给最近的 KPDN 办公室的官方信函，他们将会处理。(11)

(山打根二十三日讯) 山打根贸消部今天再次出动，在山打根镇周围进行检查九处商场，其中六处有违反规定，因此采取了相应行动。

贸消部在事后发文指出，六商家违反了《2011 年价格管制和反暴利法》被发三起在其营业场所出售的商品上没有展示价格标签，而其中三起案件违反了该法案。另外三起触犯 1972 年度量衡标准，使用了未经验证的度量衡，所有案件在现场处理，罚金总额为 RM2,400.00。

主任阿芝迪朱基里说、今天进行的检查旨在监控供应和价格，特别是春节期间受管制商品的供应和价格。此次检查还是为了确保所有商家都遵守国民经济部执行的法律法规，特别是使用经过 ATS 1972 验证的称重仪器，以及商家遵守 AKHAP 2011 规定的价格标记。

他说，根据 2011 年《公平销售法》，未

Home

KPDN rolls out 12 food items as price-controlled goods for CNY

MIRI: Traders are prohibited from raising the price of 12 controlled goods listed under this year's Chinese New Year Festive Season Maximum Price Scheme, said Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDN) Miri chief Thomas Chua.

In this regard, he reminded all traders to comply with the festive price scheme regulations, which take effect from tomorrow (Jan 25) until Feb 2.

The controlled items are white pomfret fish sold at RM37 per kg (wholesale) and RM40 per kg

(retail); large white prawns at RM31/RM34 per kg; Chinese garlic at RM8.50/RM10 per kg; imported round cabbage (Indonesia and China excluding Beijing) at RM3.50/RM4.50 per kg; red carrots at RM4.50/RM5.50 per kg; and imported white radish at RM4/RM5 per kg.

Also on the list are imported potatoes from China sold at a wholesale price of RM3 and a retail price of RM4 per kg; imported aged ginger at RM9/RM10.50 per kg; chicken wings at RM13.50/RM14.50 per kg; live farm pigs at RM15 per

kg; pork belly at RM26/RM28 per kg; and pork (meat and fat) at RM25/RM27 per kg.

"Traders must not increase the prices of the listed controlled goods exceeding the maximum price set by the government, or they will face legal action," he said.

Chua said traders of controlled goods who are found to be in breach can be charged under the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011, which provides for a fine of RM100,000 or three years' imprisonment, or both.

For offences committed by companies or organisations, a fine of up to RM500,000 or a compound of up to RM250,000 can be imposed.

Chua also reminded all traders to display pink price tags on the listed controlled goods to distinguish them from the other items.

"Failure to do so could result in them being fined up to RM10,000 for offences committed by individuals, and RM20,000 for corporate bodies or companies," he said.



Jegan (left) checks one of the sacks of fertiliser at the warehouse. — Bernama photo

Unlicensed controlled fertilisers worth over RM500,000 seized in Pinang Tunggal

KEPALA BATAS: A total of 169,440kg of various types of unlicensed controlled fertilisers valued at RM508,470 were seized during a raid at a warehouse in Permatang Saga, Pinang Tunggal on Wednesday.

The 3pm operation, which also saw the company owner arrested, was carried out by the General Operations Force (GOF) Northern Brigade Intelligence Branch team, who subsequently handed over the case to the Penang branch of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN).

Its commander SAC Shahrum Hashim said the team had been gathering intelligence since the previous week, before conducting the raid.

Upon inspection, they discovered several types of fertilisers, along with processing equipment and materials believed to be used in the production of fertilisers.

"We suspect that the warehouse was processing unlicensed or unapproved fertiliser. Our inspection confirmed the presence of equipment and materials linked to fertiliser production," he said.

"In the raid, we also arrested a man who is the owner of the company, and we handed the case over to the Penang KPDN because a thorough inspection found that the warehouse was carrying out fertiliser processing activities without a licence," he told reporters at the warehouse yesterday.

Meanwhile, state KPDN director S. Jegan said initial investigations revealed that the 71-year-old warehouse owner conducted wholesale fertiliser sales without a valid licence

under the Control of Supplies Act 1961.

He added that a large quantity of fertilisers, packaging equipment, and production tools were found on the premises.

"The owner admitted to having used the warehouse for these activities for the past five years.

"The seizure included various types of fertilisers, such as 231 jumbo fertiliser units, weighing 700kg; 60 bags of compound fertiliser; and 91 bags of NPK (Nitrogen, Phosphorus, Potassium) compound fertiliser; amounting to 169,440kg in total, with an estimated value of RM508,470," he said.

In addition, equipment including machines for packaging, grinding, mixing, compressing, transferring, and weighing, as well as empty sacks, were also seized.

Jegan further said that several relevant documents were seized to aid ongoing investigations.

The case is being investigated under the Control of Supplies Act 1961 and Regulation 3(1) of the Control of Supplies Regulations 1974.

"The fertilisers seized are controlled goods, and based on our investigation, they were intended for sale to farmers across the state.

"We are taking strict action against the company, but we will also assist the owner in obtaining a licence to sell fertiliser wholesale.

He added that according to feedback from farmers who had purchased the fertiliser produced by the company, the product was highly regarded for yielding large quantities of paddy, while being sold at competitive market prices. — Bernama

KPDN serbu premis perniagaan simpan LPG lebih had

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyita 205 tong gas petroleum cecair (LPG) dalam serbuan di sebuah premis perniagaan di Taman Sri Rampai, di sini Selasa lepas.

KPDN dalam kenyataan semalam memaklumkan pemeriksaan yang dilakukan mendapati premis itu memiliki 2,700 kilogram lebih had simpanan LPG berbanding yang dibenarkan di dalam lesen.

“Berikutan itu, 85 tong LPG berkapasiti 12 kilogram (kg) dan 120 tong berisi LPG 14 kg yang dianggarkan bernilai RM23,930 disita oleh pasukan penguat kuasa KPDN dan kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961,” menurut kenyataan itu.

KPDN Kuala Lumpur memaklumkan semakan mendapati pemegang lesen runcit itu pernah mempunyai beberapa rekod kesalahan lain di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 sejak 2018.

“Sehubungan itu, penelitian terperinci akan dibuat ke atas semua rekod kesalahan pemegang lesen runcit barang kawalan terbabit,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut memaklumkan tindakan yang dilakukan itu adalah di bawah operasi bersepadu agensi penguatkuasaan dengan serbuan hasil maklumat dan serahan kes daripada Polis Diraja Malaysia. — Bernama

商場庫存超過規定 205桶煤氣全充公

（吉隆坡23日讯）联邦直辖区吉隆坡国内贸易及生活成本局日前在吉隆坡南北花园（Taman Sri Rampai）采取行动，对当地一家持有液化石油气（LPG）控制商品零售执照的商业场所里的205桶共2700公斤的液化石油气进行充公，其中85桶为12公斤装，另120桶则为14公斤装。

该局今日发文告指出，经检查与核对液化石油气控制商品存货申报信息后，执法人员发现该商业场所存有上述2700公斤的液化石油气，超出零售执照规定的存储限额；该执照的有效期至今年10月25日。

文告提及，上述行动是该局

于日前依据情报，以及交接自警方（针对有关该商业场所可疑商业运营一事）的案件。该局执法队在接获警方提供的信息后，立即前往现场进行检查。

估计总值逾2万

“超过限额的液化石油气已被执法队充公，并将根据1961年供应管制法令进行调查，所充公的物品价值估计为2万3930令吉。”

文告说，当局还查阅该零售执照持有者过去的违例记录，并发现自2018年以来他曾多次违反1961年供应管制法令规定。

“当局将对该零售执照持有者的所有违法记录进行详细审查，并



执法人员对一家商业场所存有超出零售执照规定的液化石油气存储限额一事，展开充公行动。（该局提供）

将建议给供应控制的人员进行进一步行动，同时也将在2001年反洗钱、反恐怖主义融资及非法活动收益法下进行调查。”

文告说，若有有关控制商品漏洞的投诉或情报，民众可通过

投诉官网（<https://eaduan.kpdn.gov.my>）、热线（1800-886-800）、电邮（e-aduan@kpdn.gov.my）、手机應用程式（Ez ADU KPDN）、WhatsApp（019-848 8000）方式来联络该局。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



NORHISHAM Iberahim membakar sate di gerainya di Jabu, Besut, Terengganu. - UTUSAN / WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

Peniaga dilema naik harga sate

BESUT: Seorang peniaga sate di Jabu, di sini berada dalam dilema kerana terpaksa menaikkan harga 10 sen secukupnya seiring dengan kenaikan harga barang semasa.

Norhisham Iberahim, 36, berkata, sejak dua tahun lalu dia masih mengekalkan harga lama meskipun harga barangan lain meningkat beberapa kali dalam tempoh tersebut.

"Sejak 2023 hingga sekarang harga pelbagai jenis sate yang dijual di kedai saya adalah pada harga 70 sen dan RM1 meskipun harga di tempat lain mencecah RM1.20 hingga RM1.40 secukupnya.

"Dalam tempoh ini, saya bertahan mengekalkan harga walaupun agak sukar tetapi demi memastikan harga sate ini mampu milik oleh semua golongan termasuk mereka yang kurang berkemampuan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurut Norhisham, harga yang ditawarkan adalah 70 sen bagi sebatang sate tulang ayam, manakala RM1 bagi sate ayam, daging, pedal dan hati ayam.

Katanya, perniagaan sate itu dijalankan oleh tiga ge-

nerasi keluarganya bermula daripada neneknya sehingga dia mengambil alih pada 2022.

Ujarnya lagi, sate di kedai keluarganya itu dijual bermula daripada harga 10 sen secukupnya sejak 1977 dan kenaikan dalam tempoh beberapa tahun mengikut kenaikan harga barang mentah semasa.

"Sekarang ini kita bukan hanya melihat kenaikan harga barangan mentah tetapi saya juga perlu mengambil kira kenaikan bayaran bil utiliti seperti air, elektrik dan lain-lain.

"Tambahan ketika ini berlakunya penurunan pelanggan berbanding tahun-tahun sebelumnya yang mana purata jualan sekitar 1,000 ke 1,500 batang sate sahaja sehari," katanya.


Mengenai kenaikan harga itu, Norhisham berkata, dia mengambil masa kira-kira satu hingga dua bulan lagi untuk melihat keadaan harga barang semasa.

"Sekiranya pendapatan kami tidak dapat menampung dengan harga yang ditawarkan ketika ini berkemungkinan harga baru akan dikenakan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti," katanya.

Sabah Umno gathering data on Chicken prices

Abbey Junior

KOTA KINABALU: The Sabah Umno Public Relations and Consumer Affairs Council is gathering information on the rising cost of chicken sold in the state.



Its Chairman, Datuk Awang Aslee Lakat (pic), said the council would assess various factors contributing to the soaring prices, which have significantly burdened the people of Sabah.

He revealed that a memorandum and an official complaint would soon be submitted to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) to address the issue.

"The Sabah Umno Public Relations and Consumer Affairs Council will act on the recommendation by Sabah Umno Chief, Datuk Bung Moktar Radin, to submit a memorandum and formal complaint to KPDN in the near future.

"At the same time, we will also examine other essential goods identified to have significant price disparities between Sabah and Peninsular Malaysia," he said on Wednesday.

Awang Aslee, who is also Beaufort Umno Division Chief, acknowledged that the issue of high chicken prices is not new. However, he said the council would appeal to KPDN to resolve the matter promptly.

"We will engage with traders, wholesalers, and poultry farmers on the ground to identify the root causes of the high chicken prices in Sabah.

"Simultaneously, we will also address the rising cost of other essential goods, as this issue has placed a heavy burden on the people of Sabah," he said.

He noted that the issue of chicken and essential goods prices has been a common complaint among grassroots communities and must be addressed wisely.

"The Sabah Umno Public Relations and Consumer Affairs Council suggests that KPDN and related agencies collaborate to find solutions to reduce the price disparity of essential goods.

"The government must take immediate action, as this issue continues to burden Sabahans, particularly those in the low-income group," said Awang Aslee.

A
L
E
fi
T

M
tl
a
u

so
a
o
n
c

v
1:
fi
b
h
fo
n

T
T
w
a
it

U
C
si
L

p
si
tl
C
It
U

K
d
ti
K

c
It
fi
S

n
w
ti
"

n
te
te
fi



Umno Sabah kumpul data harga ayam

Abbey Junior

KOTA KINABALU: Majlis Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Pengguna Umno Sabah sedang mengumpul maklumat mengenai kenaikan kos penjualan ayam di negeri ini.

Pengerusinya, Datuk Awang Aslee Lakat, berkata majlis itu akan menilai pelbagai faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga itu, yang membebankan rakyat Sabah dengan begitu ketara.

Beliau mendedahkan suatu memorandum dan aduan rasmi akan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak lama lagi untuk menangani isu itu.

"Majlis Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Pengguna Umno Sabah akan bertindak atas saranan Ketua Umno Sabah, Datuk Bung Moktar Radin, untuk menyerahkan memorandum dan aduan rasmi kepada KPDN dalam masa terdekat.

"Pada masa sama, kami juga akan meneliti barangan keperluan lain yang dikenal pasti mempunyai perbezaan harga yang ketara antara Sabah dan Semenanjung Malaysia," katanya pada Rabu.

Awang Aslee, yang juga Ketua Umno Bahagian Beaufort, mengakui isu harga ayam yang tinggi bukanlah perkara baharu. Bagaimanapun, beliau berkata pihak majlis akan merayu kepada KPDN untuk menyelesaikan segera perkara itu.

"Kami akan berhubung dengan peniaga, pemborong dan penternak ayam di lapangan untuk mengenal pasti punca harga ayam yang tinggi di Sabah.

"Pada masa yang sama, kita juga akan menangani kenaikan kos barangan keperluan lain, kerana isu ini telah membebankan rakyat Sabah," katanya.

Beliau berkata isu harga ayam dan barangan keperluan telah menjadi aduan biasa dalam kalangan masyarakat akar umbi dan mesti ditangani dengan bijak.

"Majlis Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Pengguna Umno Sabah mencadangkan KPDN dan agensi berkaitan bekerjasama mencari penyelesaian bagi mengurangkan jurang perbezaan harga barangan keperluan.

"Kerajaan perlu mengambil tindakan segera kerana isu ini terus membebankan rakyat Sabah, khususnya mereka yang berpendapatan rendah," kata Awang Aslee.



AWANG ASLEE LAKAT

Isu harga ayam mahal, aduan secara rasmi kepada KPDN Sabah

KOTA KINABALU: Majlis Perhubungan Awam dan Kepenggunaan Komuniti UMNO Sabah sedang mengumpul maklumat berkaitan isu harga ayam mahal dijual di negeri ini.

Pengerusinya, Datuk Awang Aslee Lakat berkata, pihaknya akan meneliti beberapa faktor lain termasuk punca sehingga menyebabkan kenaikan harga ayam melambung tinggi sekali gus membebankan rakyat di Sabah.

Katanya, selepas itu pihaknya akan menghantar satu memorandum serta aduan secara rasmi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) di dalam tempoh terdekat.

"Majlis Perhubungan Awam dan Kepenggunaan Komuniti UMNO Sabah akan melaksanakan saranan yang dibuat Ketua UMNO Sabah, Datuk Bung Moktar Radin, untuk mengemukakan memorandum serta aduan rasmi kepada KPDN dalam tempoh terdekat.

"Dalam tempoh sama, kita juga akan melihat kepada barangan keperluan lain dikenal pasti mengalami jurang perbezaan harga yang besar melibatkan antara Sabah dan Semenanjung," katanya dalam kenyataan.

Awang Aslee merupakan Ketua UMNO Bahagian Beaufort berkata, isu

harga ayam mahal bukan isu baharu namun Majlis Perhubungan Awam dan Kepenggunaan Komuniti UMNO Sabah akan memohon kepada KPDN untuk menyelesaikan masalah ini secepat mungkin.

"Kita akan turun padang bertemu bersama peniaga, pemborong serta penternak untuk mengenal pasti berkaitan punca harga ayam mahal di Sabah.

"Dalam tempoh sama, kita juga akan melihat isu lain iaitu berkaitan kenaikan harga barangan kerana rakyat di Sabah sangat terbeban dengan masalah ini," jelas Awang Aslee.

Menurutnya, UMNO melihat isu harga ayam serta barangan merupakan antara keluhan rakyat di peringkat akar umbi sekali gus perlu ditangani secara bijak.

"Majlis Perhubungan Awam dan Kepenggunaan Komuniti UMNO Sabah mencadangkan agar KPDN serta agensi berkaitan bersama-sama mencari jalan penyelesaian bagi mengurangkan jurang harga barang keperluan ini.

"Kerajaan perlu mengambil langkah segera kerana kita melihat isu ini semakin membebankan rakyat Sabah, terutama mereka yang berpendapatan rendah," kata Awang Aslee.-JT



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 JANUARI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Jan	KPDN sita gas LPG bersubsidi bernilai lebih RM23,000	https://www.sinarharian.com.my/article/708833/berita/semasa/kpdn-sita-gas-lpg-bersubsidi-bernilai-lebih-rm23000	SINAR HARIAN
24-Jan	KPDN serbu kedai runcit simpan LPG melebihi had	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/kpdn-serbu-kedai-runcit-simpan-lpg-melebihi-had/	UTUSAN MALAYSIA
24-Jan	KPDN serbu stor simpan 2,700 kg gas LPG lebihi had	https://www.kosmo.com.my/2025/01/23/kpdn-serbu-stor-simpan-2700-kg-gas-lpg-lebihi-had/	KOSMO
24-Jan	KPDN KL sita 205 tong gas	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-kl-sita-205-tong-gas	BERITA RTM
24-Jan	Peniaga minta pengguna 'labur' RM50 jika mahu beli minyak masak peket	https://www.kosmo.com.my/2025/01/23/peniaga-minta-pengguna-labur-rm50-jika-mahu-beli-minyak-masak-peket/	KOSMO
24-Jan	5 tahun jual baja tanpa lesen, aktiviti kilang dibongkar PGA	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1179806/5-tahun-jual-baja-tanpa-lesen-aktiviti-kilang-dibongkar-pga	HARIAN METRO
24-Jan	PGA bongkar kegiatan kilang jual baja tanpa lesen sejak lima tahun lalu	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1352803/pga-bongkar-kegiatan-kilang-jual-baja-tanpa-lesen-sejak-lima-tahun-lalu	BERITA HARIAN
24-Jan	PGA, KPDN rampas baja bernilai lebih RM500,000 kilang tidak berlesen	https://www.sinarharian.com.my/article/708883/edisi/utara/pga-kpdn-rampas-baja-bernilai-lebih-rm500000-kilang-tidak-berlesen	SINAR HARIAN
24-Jan	Seleweng minyak masak, bekas pengarah syarikat didenda RM450,000	https://www.sinarharian.com.my/article/708887/berita/semasa/seleweng-minyak-masak-bekas-pengarah-syarikat-didenda-rm450000	SINAR HARIAN

24-Jan	Didenda RM450,000 miliki minyak masak lebih had	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1179826/didenda-rm450000-miliki-minyak-masak-lebih-had	HARIAN METRO
24-Jan	Isu harga ayam mahal, aduan secara rasmi kepada KPDN Sabah – Awang Aslee	https://sabahnewstoday.net/isu-harga-ayam-mahal-aduan-secara-rasmi-kepada-kpdn-sabah-awang-aslee/	SABAH NEWS TODAY
24-Jan	Isu harga ayam mahal, aduan secara rasmi kepada KPDN Sabah – Awang Aslee	https://www.sabahgazette.com/isu-harga-ayam-mahal-aduan-secara-rasmi-kepada-kpdn-sabah-awang-aslee/	SABAH GAZETTE
24-Jan	Oriental Kopi apologises, confirms no 15pc service charge hike for CNY	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/23/oriental-kopi-apologises-confirms-no-15pc-service-charge-hike-for-cny/164279	MALAY MAIL
24-Jan	Oriental Kopi tak jadi naikkan caj sempena Tahun Baru Cina	https://www.malaysiakini.com/news/732511	MALAYSIA KINI
24-Jan	Oriental Kopi apologises, says no service charge hike for Chinese New Year	https://thesun.my/malaysia-news/oriental-kopi-apologises-says-no-service-charge-hike-for-chinese-new-year-CB13566895	THE SUN
24-Jan	Pemandu lori didenda RM7,000 simpan diesel tanpa lesen	https://www.sinarharian.com.my/article/708939/berita/semasa/pemandu-lori-didenda-rm7000-simpan-diesel-tanpa-lesen	SINAR HARIAN
24-Jan	Sembilan peniaga dikenakan tindakan, gagal patuhi peraturan	https://sabahmedia.com/2025/01/23/sembilan-peniaga-dikenakan-tindakan-gagal-patuhi-peraturan/	SABAH MEDIA
24-Jan	Nine traders fined in Sandakan for price tag, weighing violations	https://www.dailyexpress.com.my/news/250786/nine-traders-fined-in-sandakan-for-price-tag-weighing-violations/	DAILY EXPRESS
24-Jan	KPDN sita 2700kg gas LPG di sebuah premis runcit	https://malaysiagazette.com/2025/01/23/kpdn-sita-2700kg-gas-lpg-di-sebuah-premis-runcit/	MALAYSIA GAZETTE

24-Jan	KPDN raids retail premises for exceeding LPG storage limits	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-raids-retail-premises-for-exceeding-lpg-storage-limits-KB13568398	THE SUN
24-Jan	KPDN Serbu Premis Perniagaan Simpan LPG Lebih Had	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2385945	BERNAMA
24-Jan	Kena beli barang RM50 baru boleh beli minyak masak peket	https://mgperak.com/kena-beli-barang-rm50-baru-boleh-beli-minyak-masak-peket/	MALAYSIA GAZETTE PERAK
24-Jan	Bekas pengarah didakwa tipu KPDN	https://www.kosmo.com.my/2025/01/23/bekas-pengarah-didakwa-tipu-kpdn/	KOSMO
24-Jan	Bekas pengarah syarikat didenda RM450,000, miliki minyak masak lebih had	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/bekas-pengarah-syarikat-didenda-rm450000-miliki-minyak-masak-lebih-had/	UTUSAN MALAYSIA
24-Jan	Bekas pengarah syarikat didenda kemuka dokumen palsu, miliki minyak masak lebih had	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-pengarah-syarikat-didenda-kemuka-dokumen-palsu-miliki-minyak-masak-lebih-had-505771	ASTRO AWANI
24-Jan	Bekas Pengarah Syarikat Didenda Kemuka Dokumen Palsu, Milik Minyak Masak Lebih Had	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2386000	BERNAMA
24-Jan	Baja tanpa lesen lebih setengah juta dirampas	https://www.kosmo.com.my/2025/01/23/baja-tanpa-lesen-lebih-setengah-juta-dirampas/	KOSMO
24-Jan	Baja tanpa lesen bernilai lebih setengah juta dirampas	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/baja-tanpa-lesen-bernilai-lebih-setengah-juta-dirampas/	UTUSAN MALAYSIA

24-Jan	PGA Ulu Kinta bongkar kegiatan jual baja borong tanpa lesen	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pga-ulu-kinta-bongkar-kegiatan-jual-baja-borong-tanpa-lesen	BERITA RTM
24-Jan	Unlicensed fertilisers worth RM508,470 seized, owner arrested	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1165244/unlicensed-fertilisers-worth-rm508470-seized-owner-arrested	NEW STRAITS TIMES
24-Jan	Kilang baja tidak berlesen dibongkar	https://www.buletintv3.my/nasional/kilang-baja-tidak-berlesen-dibongkar/	BULETIN TV3
24-Jan	Baja Tiada Lesen Bernilai RM508,470 Dirampas Di Pinang Tunggal	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2385901	BERNAMA
24-Jan	PGA bongkar kegiatan jual baja tanpa lesen sejak 5 tahun	https://malaysiagazette.com/2025/01/23/pga-bongkar-kegiatan-jual-baja-	MALAYSIA GAZETTE
24-Jan	12 items listed under price control scheme for CNY	https://www.theborneopost.com/2025/01/23/12-items-listed-under-price-control-scheme-for-cny/	THE BORNEO POST